






Sentiasa pastikan posisi suis penghidup berada di posisi  (Off) atau  (Lock) apabila anda meninggalkan skuter anda.

Apabila suis penghidup terkunci di posisi SEAT FUEL, suis penghidup boleh diputar ke posisi  (Off) hanya sekali sahaja.


Apabila suis penghidup terkunci di posisi  (Off), stereng tidak boleh dikunci. Untuk mengunci stereng, buka kunci suis penghidup.

## Hidupkan Bunyi Buzzer Apabila Suis Penghidup Dikunci/Dibuka

### Aktifkan

- 1 Nyahaktifkan sistem Honda SMART Key.  

- 2 Tekan butang ON/OFF dengan perlahan. Lampu LED merah Honda SMART Key menyala.
- 3 Semasa lampu LED merah menyala, tekan butang jawab balas.  
▶ Lampu LED merah mula berkelip apabila bunyi buzzer diaktifkan dengan betul.

### Nyahaktifkan

- 1 Nyahaktifkan sistem Honda SMART Key.  

- 2 Tekan butang ON/OFF dengan perlahan. Lampu LED merah Honda SMART Key berkelip.
- 3 Semasa lampu LED merah berkelip, tekan butang jawab balas.  
▶ Lampu LED merah berhenti berkelip tetapi tetap menyala apabila bunyi buzzer dinyahaktifkan dengan betul.